

19/10/2003

Graduan perlu berani cari kerja di luar negara

BANGI: Graduan universiti tempatan perlu berani meneroka peluang pekerjaan di luar negara, daripada hanya bergantung kepada pasaran kerjaya tempatan, baik dengan kerajaan mahupun swasta.

Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Tuanku Ja'afar Tuanku Abdul Rahman, berkata graduan perlu membuka mata dan berani meneroka peluang itu sama ada di negara Asean atau rantau lebih jauh seperti Asia Pasifik, Eropah dan Amerika.

Katanya, sejajar dengan gelombang globalisasi yang melanda dunia, mereka perlu membuktikan rakyat Malaysia adalah bangsa yang merantau dan dapat bertahan di negara orang.

"Kini adalah masa untuk mengejar emas di negeri orang, bukan lagi untuk tinggal `seperti katak di bawah tempurung' atau pada realiti sekarang `seperti katak di bawah gelas tertangkup' yang bermaksud dapat melihat apa yang berlaku di dunia tetapi tidak dapat membuat apa-apa perubahan walaupun pada diri sendiri," titahnya ketika berucap pada konvokesyen ke-31 UKM di kampus universiti itu di sini, semalam.

Seramai 2,533 graduan menerima ijazah dan diploma masing-masing pada konvokesyen kali ini yang berlangsung selama dua hari, mulai semalam.

Pada majlis itu juga, UKM menganugerahkan ijazah kehormat kepada bekas Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Allahyarham Tan Sri Abdul Samad Idris serta pengasas dan bekas Dekan Fakulti Perubatannya, Datuk Dr Ismail Saad.

Tuanku Ja'afar yang juga Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan bagaimanapun mengingatkan graduan tidak melupakan asal usul mereka apabila sudah berjaya pada peringkat antarabangsa.

Katanya, walaupun globalisasi menawarkan semua perkara yang tiada batasannya, semakin tahap pencapaian mereka, semakin besar cabaran yang bakal dihadapi.

"Oleh itu, gunakanlah akal budi dan sentiasa ingat kepada akar tempat saudara berpaut. Biar pun saudara berada di Barat, darah yang mengalir di dalam tubuh saudara adalah darah orang Timur.

"Saudara terikat kepada adat resam dan budi bahasa orang timur yang tinggi nilainya. Contohilah resmi padi, semakin tunduk semakin berisi," katanya.

Mengenai UKM, Tuanku Ja'afar berkata, universiti itu sudah berjaya mengeluarkan lebih 90,000 graduan dalam pelbagai bidang dan memberikan sumbangan besar membangunkan negara selepas 33 tahun penubuhannya.

Katanya, UKM juga berjaya menempa kejayaan dalam bidang penyelidikan pada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Selain penubuhan institut kecemerlangan yang sudah membuktikan sumbangan masing-masing dalam bidang ilmu tertentu, katanya, UKM kini menubuhkan empat institut baru iaitu Institut Kejuruteraan Mikro dan Nanoelektronik, Institut Perubatan Molekul, Institut Sains Angkasa dan yang terkini Institut Kajian Oksidental.

Pada majlis itu juga, Tuanku Ja'afar merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana jasanya dalam penubuhan universiti berkenaan.

Katanya, Dr Mahathir adalah pendukung yang mengukuhkan kewujudan UKM serta menjadi Pengerusi Majlis universiti itu dari April hingga Oktober 1974.